LegacySecure-*i* Link

(This is a Takaful product) / *Ini adalah produk Takaful)*

Secure your loved ones' future with a lasting legacy

Jamin masa depan insan tersayang dengan warisan yang berkekalan

Protection by PIDM on benefits payable from the unit portion of this certificate is subject to limitations. Please refer to PIDM's TIPS Brochure or contact AmMetLife Takaful Berhad or PIDM (visit www.pidm.gov.my).

Perlindungan PIDM untuk manfaat yang dibayar daripada bahagian unit sijil ini adalah tertakluk kepada syarat-syarat tertentu. Sila rujuk brosur sistem perlindungan manfaat takaful dan insurans PIDM atau hubungi AmMetLife Takaful Berhad atau PIDM (layari www.pidm.gov.my).

A PIDM member
Ahli PIDM

Managed by:
Diuruskan oleh:

AmMetLife Takaful

AmBank Islamic

Get greater coverage to ensure your loved ones' future is secure

You always put your loved ones' needs above all else because they mean the world to you. You do your best to provide them with everything they need so that they can live life to the fullest. But with life being so unpredictable, you know that everything can change in a blink of an eye. Thus, the best gift you can give your loved ones is a lasting legacy that will safeguard their future.

Introducing **LegacySecure-*i* Link** - a Shariah compliant regular contribution investment-linked plan that gives you the freedom to decide what is best according to your financial needs. More than that, it offers high coverage with loyalty bonus to boost your protection needs. With greater protection, you've the assurance that your loved ones' future is secure. In addition, this plan comes with Waqaf benefit that allows for on-going charity as well as funeral benefit to help them cope with funeral expenses should death befall you.

Although you can't promise that you'll always be around for those you love, you can promise to secure their future by leaving behind a legacy that they'll cherish long after you're gone.

How It Benefits You

Protection against Death[1] or Total Permanent Disability (TPD)[2]

100% of Basic Sum Covered or prevailing value of the investment units in Participant Investment Fund (PIF) i.e PIF Value[3], whichever is higher will be payable in one lump sum to you or your loved ones in the event of death or TPD. This plan is used to financially take care of you or your family when you are no longer able to do so. Upon death of the participant or once TPD claim is approved, the certificate will be terminated.

Additional Coverage for Accidental Death[4]

Ensure that your family and your loved ones are well protected. An additional coverage will be provided on top of the Death Benefit if there is an unfortunate accidental death. However, you are only allowed to claim on either Accidental Death Benefit or Accidental Death Benefit on Public Conveyance, subject to the cause of accident.

Accidental Death Benefit	Additional Coverage on top of Death Benefit
Accidental Death Benefit	Additional 100% of Basic Sum Covered is payable
Accidental Death Benefit on Public Conveyance	Additional 200% of Basic Sum Covered is payable

Gain Loyalty Bonus

Maximise your coverage by being rewarded with increasing Basic Sum Covered by 2% of initial Basic Sum Covered every 2 certificate years until the end of 10th certificate year. The loyalty bonus will be accumulated to your Basic Sum Covered and the accumulated amount will be payable in one lump sum upon death or TPD of the participant, subject to terms and conditions.

1 *The Death Benefit will be automatically terminated on the certificate anniversary immediately preceding the 70th, 80th or 100th birthday of the participant, depending on the coverage term chosen.*

2 *The TPD Benefit will be automatically terminated on the certificate anniversary immediately preceding the 80th birthday of the participant or on the maturity/expiry date of the certificate, whichever is earlier.*

3 *PIF Value means the total value of all the units under the certificate calculated based on the unit price at the next valuation date.*

4 *The Accidental Death Benefit will be automatically terminated on the certificate anniversary immediately preceding the 70th birthday of the participant.*

How It Benefits You

High Non-Medical Limit

Up to RM4 million with no medical checkup required[5].

Waqaf Benefit

Achieve ceaseless reward through on going charity. We will donate RM5,000 on behalf of you to selected waqaf organisations approved by AmMetLife Takaful's Shariah Committee, in the event of your death.

Funeral Benefit

Your nominee will receive RM10,000 as Funeral Benefit in one lump sum, which can be used to take care of funeral costs and related expenses, in the event of your death.

Plan your Legacy Through Hibah

Planning your wealth well and leave your legacy through Hibah to safeguard your loved ones' future.

Choice of Coverage Term

Enjoy the freedom to choose coverage terms according to your preference i.e up to age 70, 80 or 100 next birthday.

Multiple Contribution Payment Term Options

You may choose the contribution payment term according to your needs and preference from a choice of 5 years, 10 years, 20 years or up to your coverage term chosen (full pay).

Maturity

When your plan reaches maturity, you will receive the total account values in the PIF.

Top-Ups

Top-ups can be made at any time to maximise your investment value at a minimum value of RM50.

Switching Fund

You can choose how your money is invested by switching between our 5 funds whenever you want, at no cost.

Note: This list is non-exhaustive. Please refer to the certificate for the full list of exclusions, terms and conditions.

[5] *It depends on the age and sum covered of the participant.*

Contribution Allocation

Your contribution will be divided into:

- **Allocated Contribution**

  Your annual allocated contribution will be divided into a takaful portion and investment portion. The contribution allocation for takaful portion varies by contribution payment term. Contribution allocation for investment portion and top-up contribution is 95%.

Allocated Contribution				
Certificate Year	Takaful Portion			Investment Portion
	5 Years	10 Years	20 Years / up to Coverage Term	
1	84%	70%	60%	95%
2	84%	77%	60%	95%
3	93%	87%	60%	95%
4	93%	92%	80%	95%
5	96%	93%	80%	95%
6	-	93%	80%	95%
7	-	97%	95%	95%
8	-	97%	95%	95%
9	-	97%	95%	95%
10	-	97%	95%	95%
11 & Above[6]	-	-	100%	95%

- **Unallocated Contribution**

  The unallocated contribution is equivalent to the contribution paid less allocated contribution. This amount will be used for our management expenses i.e Wakalah Fee.

[6] *Up to contribution payment term. This is not applicable to 5 years and 10 years contribution payment term.*

Fees and Charges

- **Wakalah Fee**

  A Wakalah Fee is charged to contributions before the remaining amount is allocated into the PIF. This amount is used to pay our expenses and direct distribution cost, including the commission payable to agent.

- **Tabarru'**

  Tabarru' deduction is based on your age, gender, health and occupation. The tabarru' will be deducted monthly by cancelling the appropriate number of units of investment in the PIF and it increases as you get older.

- **Monthly Service Fee**

  A monthly service fee of RM12 will be deducted from the units in the PIF.

- **Fund Management Fee**

  The fee is based on the proportion of equities and fixed income of the unit funds, subject to the minimum charge of 1.0% up to maximum 1.5% of net asset value per annum.

- **Surrender Fee**

  A surrender fee that will be charged upon surrender of the certificate is RM100 or 10% of prevailing unit of the PIF, whichever is lower.

Frequently Asked Questions

What are the applicable Shariah concepts?

a) Wakalah

This plan applies wakalah (agency) concept, where all certificate holders appoint AmMetLife Takaful to act on behalf of them to invest and manage the PIF and PRF. AmMetLife Takaful is entitled to a wakalah fee, as disclosed in the Benefit Illustration, for managing and investing the funds.

b) Tabarru'

This plan applies tabarru' concept, where all certificate holders agree to donate a specified portion from the PIF into the PRF for the purpose of mutual aid and assistance to all certificate holders in times of misfortune.

c) Qardh

An interest-free loan from AmMetLife Takaful in the event that the PRF is in deficit. The loan will be paid (in equivalent counter value) from the future surplus arising from the PRF.

Who is eligible to participate in LegacySecure-*i* Link?

This plan is available to individuals entry aged from 16 years old up to 69 age next birthday.

How long will I be covered?

You may choose to have coverage either up to 70, 80 or 100 years old, subject to minimum certificate term of 20 years.

How much sum covered can I participate?

The minimum sum covered is RM500,000. Any application is subject to our applicable underwriting requirement.

How much contribution do I have to pay?

The minimum annual contribution is RM1,800. However, it may vary depending on your contribution payment term, sum covered and our underwriting decision.

How do I make my contribution?

You may arrange to make your contribution via auto debit, cash or credit card.

How is my contribution being allocated?

For regular contribution investment-linked plan, the contribution paid will be divided into Allocated Contribution and Wakalah Fee. The Allocated Contribution will be utilised to purchase units from the selected Investment-Linked funds. Please refer to the Contribution Allocation section for the details.

Frequently Asked Questions

The Allocated Contributions will be used to create the following funds:

Participant Investment Fund ("PIF")

PIF is your saving fund and it is managed by us in accordance with the principles of Shariah. It is made up of your allocated portion of the contributions, investment profit and any related Surplus distribution from the PRF. Upon maturity, you will receive the whole amount in your PIF.

Participants Risk Fund ("PRF")

PRF is made up of the tabarru' which is a portion of your contributions, to assist you and the fellow participants in need, through the benefits they are entitled to. We will pay your benefits from this fund.

How many Investment-Linked funds are available for this plan?

There are 5 Investment-Linked funds available. A proportion of your contribution will be allocated to create units within the funds as below:

- **AmMetLife Takaful Sukuk Fund**

  The fund's investment objective is to allow low-risk takers to enjoy higher than average income earned from Islamic fixed deposits, over the medium to long term investment horizon, via investment in a diversified portfolio of Islamic fixed income securities (Sukuk), largely in Government Investment Issues and Shariah-compliant corporate bonds and money market instruments.

- **AmMetLife Takaful Equity Fund**

  The fund aims to achieve superior capital appreciation over the medium to long-term period by investing in a diversified portfolio consisting of Shariah-compliant Malaysian equities listed on Bursa Malaysia.

- **AmMetLife Takaful Balanced Fund**

  This fund's objective is to achieve moderate capital growth over the medium to long-term period by investing in a balanced portfolio of Shariah-compliant Malaysian equities, fixed income securities (Sukuk) and collective investment schemes.

- **AmMetLife Takaful Balanced Plus Fund**

  This fund aims to provide you with an opportunity to gain potentially higher return than Shariah-compliant fixed deposits, over a medium to long term investment horizon, through investing in Shariah-compliant collective investment schemes.

- **AmMetLife Takaful Asia Pacific Dynamic Equity Fund**

  This fund aims to gain long-term capital appreciation and income for a high risk profile participant. It is a Shariah-compliant global equity fund which invests primarily in the emerging and developed markets of Asia Pacific excluding Japan region.

Am I entitled to investment profit arising from PIF?

Any investment profit arising from your PIF will be retained in your PIF.

Am I entitled to net surplus arising from PRF?

You are entitled to receive 50% of the net surplus (if any) from the PRF by crediting additional units into the PIF. And the balance of 50% is distributed to AmMetLife Takaful as a fee for managing the PRF.

How can I track the performance of my funds?

You can track the unit prices that are published daily in our website and quarterly in major newspapers.

What would happen if my unit fund value becomes zero or negative?

Once a certificate has a unit balance going to zero for all funds, a grace period of 30 days is given to you to pay the contribution or top up your certificate. In the event that the grace period ends, the certificate will lapse.

How Loyalty Bonus Benefit works?

While your certificate is still inforce, you are entitled to earn loyalty bonus in the form of increasing Basic Sum Covered by 2% of Initial Basic Sum Covered every 2 certificate years starting from the end of second certificate year until the end of 10th certificate year. The loyalty bonus will be accumulated to your Basic Sum Covered and the accumulated amount will paid in one lump sum upon death or TPD of the participant. In the event of accidental death, the Basic Sum Covered shall be paid corresponding to the Accidental Death Benefit, subject to terms and conditions.

However, this benefit will be ceased upon approved TPD claim or partial withdrawal has been made; whichever is earlier. Upon such event, no further loyalty bonus will be payable and your Basic Sum Covered will remain throughout the certificate term.

What are the partial withdrawal conditions?

The minimum partial withdrawal amount is RM1,000 and the minimum account value after partial withdrawal in the PIF is RM2,000. The account value in PIF and basic sum covered will be reduced by the amount of the partial withdrawal. If the basic sum covered after the partial withdrawal is less than the minimum sum covered of RM250,000, AmMetLife Takaful reserves the right to treat your partial withdrawal as full surrender. Upon full surrender, the account value in PIF is payable and the certificate terminates. The stated amount may vary in the future and is subject to change.

Any partial withdrawal may cause insufficient account value in PIF for tabarru' amount and other fees and charges deduction. There must be sufficient account value at all times to keep your certificate in force so that your takaful coverage continue throughout the coverage term.

Exclusions

What are the major exclusions under this plan?

Death Benefit

This plan does not cover death benefit due to:

a. suicide, whether while sane or insane, within 1 year from the commencement date or reinstatement date, whichever is later; or

b. while under the influence of alcohol, narcotics or drugs other than those prescribed by a legally qualified medical practitioner;

In such event, total account value in the PIF is payable.

TPD Benefit

This plan does not cover TPD benefit due to:

a. attempting suicide or self-inflicted bodily injuries while sane or insane; or

b. while under the influence of alcohol, narcotics or misuse of drugs other than those validly prescribed by a legally qualified medical practitioner; or

c. the disability was commenced or existed prior to the commencement date.

Accidental Death Benefit

This plan does not cover accidental death benefit if accidental death is due to:

a. assault or murder; or

b. war, invasion, acts of foreign enemies, hostilities or warlike operations, civil war, rebellion, revolution, riot, insurrection, civil commotion, military or usurped power; or

c. military or naval service during war (irrespective of whether declared or not), under orders for warlike operations or restoration of public order; or

d. making an arrest as an officer of the law.

Funeral Benefit

No exclusion is applicable for this benefit.

Waqaf Benefit

Subject to the exclusions of Death Benefit.

Note: This list is non-exhaustive. Please refer to the certificate for the full list of exclusions, terms and conditions.

Important Notes

- TPD Benefit is subject to the combined limit of RM8,000,000 under all inforce takaful certificates covering TPD under the same participant.
- Additional coverage for Accidental Death Benefit is subject to the combined limit of RM8,000,000 under all inforce takaful certificates providing accidental death benefit under the same participant.
- To participate in an investment-linked family takaful plan is a long-term commitment. Early termination of the plan involves high cost and the withdrawal value is dependent on prevailing market values of the underlying assets of the unit fund. Therefore, the withdrawal value may be less than the total contributions paid.
- The account value may rise or fall as the fund performances is not fixed. The investment risk will be solely borne by you and the account value of PIF may be lesser than the total contributions contributed to the fund.
- The tabarru' and other charges for the plans are not guaranteed and AmMetLife Takaful reserve the right to revise the tabarru' and the charges by giving you 3 months' prior written notice.
- AmMetLife Takaful may close a fund, cease to allow allocating funds or cease to allow any switching of units by giving 3 months' written notice subject to the approval of relevant regulatory authorities. You may then redeem the units or transfer the units to other available funds.
- If you cease your contribution payment, your certificate will continue to be in force as long as the value of invested units in the PIF is sufficient to be deducted for the tabarru' and other charges; otherwise the certificate will lapse.
- The certificate will not provide benefit amount from the PRF upon termination, surrender or maturity.
- It is advisable to utilise the top-up facility as a means to maximise the investment value of investment-linked family takaful plan.
- You should satisfy yourself that this plan can best serve your needs, and that the contributions payable is affordable.
- You are free to review the certificate within 15 days from the receipt date of the certificate, and cancel it without assigning any reason. Value of PIF units (if any) at the unit price, unallocated contributions, any fees and charges that have been deducted, less medical expenses which may have been incurred, will be refunded.
- The contributions for this plan will entitle you for individual income tax relief subject to the final decisions of the Inland Revenue Board.
- Please refer to the Benefit Illustration for detailed illustration of this plan.
- This brochure is a brief description of the product. Please refer to the takaful certificate for full details on terms and conditions.
- In the event of any inconsistencies between the Bahasa Malaysia and the English version of this brochure, the English wordings shall prevail.
- **This is a takaful product that is tied to the performance of underlying assets, and is not a pure investment product such as unit trusts.**

Nikmati perlindungan berganda untuk melindungi kesayangan anda

Anda selalu mengutamakan insan tersayang melebihi segalanya kerana mereka amat bermakna buat anda. Anda melakukan yang terbaik untuk memenuhi segala keperluan mereka supaya mereka dapat menjalani kehidupan yang sempurna. Tetapi kehidupan ini tidak dapat diramal, anda sedar bahawa ia boleh berubah sekelip mata. Oleh itu, hadiah terbaik yang dapat anda berikan kepada insan tersayang adalah warisan yang berkekalan yang akan melindungi masa depan mereka.

Memperkenalkan **LegacySecure-*i* Link -** pelan berkaitan pelaburan patuh Syariah dengan sumbangan berkala yang memberi anda kebebasan untuk memilih apa yang terbaik, sesuai dengan keperluan kewangan anda. Lebih dari itu, ia menawarkan perlindungan yang tinggi dengan bonus kesetiaan untuk meningkatkan keperluan perlindungan anda. Dengan perlindungan yang lebih besar, anda yakin masa depan insan tersayang anda lebih terjamin. Selain itu, pelan ini dilengkapi dengan manfaat Waqaf yang membolehkan anda melakukan amal kebajikan secara berterusan serta manfaat khairat kematian untuk membantu mereka menguruskan perbelanjaan pengebumian sekiranya anda meninggal dunia.

Biarpun anda tidak dapat menjanjikan bahawa anda akan sentiasa ada disamping yang tersayang, apa yang pasti anda mampu menjamin mereka dengan masa depan yang cerah dengan meninggalkan warisan berharga setelah anda tiada.

Manfaat Untuk Anda

Perlindungan terhadap Kematian[1] atau Hilang Upaya Menyeluruh dan Kekal (HUMK)[2]

100% daripada Jumlah Perlindungan Asas atau nilai semasa unit pelaburan dalam Dana Pelaburan Peserta (DPP) iaitu Nilai DPP[3], yang mana lebih tinggi akan dibayar secara sekali gus kepada anda atau orang kesayangan anda apabila berlaku kematian atau HUMK. Pelan ini digunakan untuk mengurus kewangan anda atau keluarga anda apabila anda tidak lagi mampu berbuat demikian. Setelah kematian peserta atau apabila tuntutan HUMK diluluskan, sijil ini akan tamat.

Perlindungan Tambahan untuk Kematian Akibat Kemalangan[4]

Pastikan ahli keluarga dan orang kesayangan anda dilindungi dengan secukupnya. Perlindungan tambahan akan diberikan sebagai tambahan kepada Manfaat Kematian jika berlakunya kematian akibat kemalangan. Walau bagaimanapun, anda hanya dibenarkan membuat tuntutan sama ada Manfaat Kematian Akibat Kemalangan atau Manfaat Kematian Akibat Kemalangan semasa menaiki Pengangkutan Awam, tertakluk kepada punca kemalangan.

Manfaat Kematian Akibat Kemalangan	Perlindungan Tambahan ke atas Manfaat Kematian
Manfaat Kematian Akibat Kemalangan	Tambahan sebanyak 100% daripada Jumlah Perlindungan akan dibayar
Manfaat Kematian Akibat Kemalangan semasa menaiki Pengangkutan Awam	Tambahan sebanyak 200% daripada Jumlah Perlindungan akan dibayar

Peroleh Bonus Kesetiaan

Maksimumkan perlindungan anda dengan menikmati peningkatan Jumlah Asas Perlindungan sebanyak 2% daripada Jumlah permulaan Asas Perlindungan setiap 2 tahun sijil sehingga akhir tahun ke-10 sijil. Bonus kesetiaan akan dikumpulkan keatas Jumlah Asas Perlindungan dan jumlah terkumpul ini akan dibayar sekaligus apabila berlaku kematian atau HUMK peserta, tertakluk pada terma dan syarat.

1 *Manfaat Kematian akan ditamatkan secara automatik pada ulang tahun sijil sejurus sebelum hari jadi ke-70, ke-80 atau ke-100 peserta, tertakluk kepada tempoh perlindungan yang dipilih.*

2 *Manfaat HUMK akan ditamatkan secara automatik pada ulang tahun sijil sejurus sebelum hari jadi ke-80 peserta atau pada tarikh matang/ tamat sijil, yang mana terdahulu.*

3 *Nilai DPP bermaksud jumlah nilai kesemua unit di bawah sijil yang dikira berdasarkan harga unit pada tarikh penilaian berikutnya.*

4 *Manfaat Kematian Akibat Kemalangan akan ditamatkan secara automatik pada ulang tahun sijil sejurus sebelum hari jadi ke-70 peserta.*

Manfaat Untuk Anda

Had Tanpa Pemeriksaan Perubatan yang Tinggi

Tidak memerlukan pemeriksaan perubatan[5] sehingga RM4juta.

Manfaat Waqaf

Peroleh pahala berterusan melalui amal kebajikan yang berterusan. Kami akan menyumbangkan RM5,000 bagi pihak anda kepada organisasi waqaf terpilih yang diluluskan oleh Jawatankuasa Syariah AmMetLife Takaful, sekiranya anda meninggal dunia.

Manfaat Khairat Kematian

Penama anda akan menerima RM10,000 sebagai Manfaat Khairat Kematian sekaligus, yang mana boleh digunakan untuk mengurus kos pengebumian dan perbelanjaan yang lain berkaitan, sekiranya anda meninggal dunia.

Rancang Warisan Anda Melalui Hibah

Rancanglah kekayaan anda dengan baik dan tinggalkan warisan anda melalui Hibah demi menjamin masa depan insan yang anda sayangi.

Pilihan Tempoh Perlindungan

Nikmati kebebasan untuk memilih tempoh perlindungan mengikut kehendak anda iaitu sehingga umur 70, 80 atau 100 tahun pada hari lahir berikutnya.

Pelbagai Pilihan Tempoh Bayaran Sumbangan

Anda boleh memilih tempoh bayaran sumbangan mengikut keperluan dan kehendak anda bermula dengan pilihan 5, 10, 20 tahun atau sehingga tempoh perlindungan yang anda pilih (tempoh penuh).

Manfaat Matang

Apabila sijil mencapai tempoh matang, anda akan menerima jumlah nilai akaun di dalam DPP.

Sumbangan Tambahan

Sumbangan Tambahan boleh dibuat pada bila-bila masa untuk meningkatkan nilai pelaburan anda dengan nilai minimum RM50.

Menukar Dana

Anda boleh memilih bagaimana wang anda dilaburkan dengan menukar diantara 5 dana kami pada bila-bila masa, tanpa sebarang kos.

Nota: Senarai ini adalah tidak menyeluruh. Sila rujuk sijil untuk senarai lengkap pengecualian, terma-terma dan syarat-syarat.

[5] *Ia bergantung kepada umur dan jumlah perlindungan peserta.*

Peruntukkan Sumbangan

Sumbangan anda akan dibahagikan kepada:

- **Sumbangan yang Diperuntukkan**

  Sumbangan yang diperuntukkan tahunan anda akan dibahagikan kepada bahagian takaful dan bahagian pelaburan. Peruntukkan sumbangan untuk bahagian takaful berbeza-beza mengikut tempoh bayaran sumbangan. Peruntukkan sumbangan untuk bahagian pelaburan dan sumbangan tambahan adalah 95%.

Peruntukkan Sumbangan				
Tahun Sijl	Bahagian Takaful			Bahagian Pelaburan
	5 Tahun	10 Tahun	20 Tahun / Sehingga Tempoh Perlindungan	
1	84%	70%	60%	95%
2	84%	77%	60%	95%
3	93%	87%	60%	95%
4	93%	92%	80%	95%
5	96%	93%	80%	95%
6	-	93%	80%	95%
7	-	97%	95%	95%
8	-	97%	95%	95%
9	-	97%	95%	95%
10	-	97%	95%	95%
11 & Keatas[6]	-	-	100%	95%

- **Sumbangan yang Tidak Diperuntukkan**

  Sumbangan yang tidak diperuntukkan adalah bersamaan dengan sumbangan yang dibayar ditolak sumbangan yang diperuntukkan. Jumlah ini akan digunakan untuk perbelanjaan kos kami iaitu Fi Wakalah.

[6] *Sehingga tempoh bayaran sumbangan. Ini tidak diguna pakai untuk tempoh bayaran sumbangan 5 dan 10 tahun.*

Fi dan Caj

- **Fi Wakalah**

  Fi Wakalah dikenakan kepada sumbangan sebelum bakinya diperuntukkan ke dalam DPP. Amaun ini digunakan untuk menampung perbelanjaan pengurusan dan kos pengagihan secara langsung, termasuk komisen yang dibayar kepada ejen.

- **Tabarru'**

  Tabarru' ditolak berdasarkan umur, jantina, kesihatan dan pekerjaan anda. Tabarru' akan ditolak secara bulanan dengan membatalkan jumlah unit pelaburan yang bersesuaian di dalam DPP dan ia meningkat seiring dengan peningkatan usia anda.

- **Fi Perkhidmatan Bulanan**

  Fi perkhidmatan bulanan RM12 akan ditolak dari unit-unit di dalam DPP.

- **Fi Pengurusan Dana**

  Fi ini berdasarkan pembahagian ekuiti-ekuiti dan pendapatan tetap unit, tertakluk kepada caj minimum 1.0% sehingga maksimum 1.5% daripada nilai aset bersih setahun.

- **Fi Serahan**

  Fi serahan yang akan dicaj semasa serahan sijil adalah RM 100 atau 10% daripada nilai semasa unit dari DPP, yang mana lebih rendah.

Soalan-Soalan Lazim

Apakah konsep-konsep Syariah yang diguna pakai?

a) Wakalah

Pelan ini mengguna pakai konsep wakalah (agensi), di mana semua pemegang sijil melantik AmMetLife Takaful untuk bertindak bagi pihak mereka untuk melabur dan mengurus DPP dan DRP. AmMetLife Takaful berhak mendapat fi wakalah, untuk mengurus dan melabur dana-dana.

b) Tabarru'

Pelan ini mengguna pakai konsep tabarru', di mana semua pemegang sijil bersetuju untuk menderma sebahagian daripada DPP kepada DRP untuk tujuan saling bantu-membantu antara semua pemegang sijil semasa ditimpa musibah.

c) Qard

Pinjaman tanpa faedah dari AmMetLife Takaful sekiranya DRP berada dalam keadaan defisit. Pinjaman akan dibayar semula (dengan nilai yang setara) apabila terhasil lebihan daripada DRP pada masa hadapan.

Siapakah yang layak untuk menyertai LegacySecure-*i* Link?

Pelan ini boleh disertai oleh individu yang berumur dari 16 tahun sehingga umur 69 tahun pada hari lahir berikutnya.

Berapa lama saya akan dilindungi?

Anda boleh memilih untuk dilindungi sama ada sehingga 70, 80 atau 100 tahun, tertakluk kepada tempoh sijil minimum 20 tahun.

Berapakah jumlah perlindungan yang boleh saya sertai?

Jumlah perlindungan minimum ialah RM500,000. Sebarang permohonan adalah tertakluk kepada keperluan pengunderaitan kami.

Berapakah jumlah sumbangan yang perlu saya bayar?

Jumlah minimum sumbangan tahunan ialah RM1,800. Namun, ia mungkin berbeza bergantung kepada tempoh bayaran sumbangan, jumlah perlindungan anda dan keputusan pengunderaitan kami.

Bagaimanakah saya boleh membuat sumbangan?

Anda boleh membuat sumbangan melalui debit secara automatik, tunai atau kad kredit.

Bagaimana sumbangan saya diperuntukkan?

Bagi Pelan Berkaitan Pelaburan Sumbangan Berkala, sumbangan yang dibayar akan dibahagikan kepada sumbangan diperuntukkan dan Fi Wakalah. Sumbangan diperuntukkan akan digunakan untuk membeli unit daripada dana Berkaitan Pelaburan yang dipilih. Sila rujuk kepada Peruntukan Sumbangan untuk butiran lanjut.

Soalan-Soalan Lazim

Sumbangan diperuntukkan akan digunakan untuk membentuk dana-dana berikut:

Dana Pelaburan Peserta ("DPP")

DPP adalah dana simpanan anda dan ia diuruskan oleh kami menurut prinsip-prinsip Syariah. Ia terdiri daripada bahagian sumbangan anda yang diperuntukkan, keuntungan pelaburan dan sebarang pengagihan lebihan yang berkaitan daripada DRP. Apabila sijil matang, anda akan menerima seluruh amaun dalam DPP anda.

Dana Risiko Peserta ("DRP")

DRP terdiri daripada tabarru' yang merupakan sebahagian daripada sumbangan anda, untuk membantu anda dan peserta-peserta lain yang memerlukan, melalui manfaat yang mereka berhak miliki. Kami akan membayar manfaat-manfaat anda daripada dana ini.

Berapakah jenis dana Berkaitan Pelaburan yang terdapat untuk pelan ini?

Terdapat 5 jenis dana Berkaitan Pelaburan. Sebahagian dari sumbangan anda akan diperuntukkan untuk mewujudkan unit-unit di dalam dana-dana berikut:

- **AmMetLife Takaful Sukuk Fund**

  Objektif pelaburan dana ini adalah untuk memberi peluang kepada pengambil risiko rendah untuk menikmati pendapatan lebih tinggi daripada purata pendapatan diperolehi dari deposit tetap berlandaskan Islam, bagi pelaburan jangka masa sederhana ke jangka masa panjang, melalui pelaburan di dalam pelbagai portfolio sekuriti berpendapatan tetap berlandaskan Islam (Sukuk), di mana kebanyakannya dalam Pelaburan Terbitan Kerajaan dan bon-bon Korporat yang berlandaskan Syariah serta instrumen-instrumen pasaran kewangan.

- **AmMetLife Takaful Equity Fund**

  Dana ini bertujuan untuk mencapai penilaian modal yang tinggi bagi pelaburan jangka masa sederhana ke jangka masa panjang dengan melabur di dalam pelbagai portfolio yang terdiri dari ekuiti-ekuiti Malaysia yang berasaskan Syariah yang tersenarai di Bursa Malaysia.

- **AmMetLife Takaful Balanced Fund**

  Objektif dana ini adalah untuk mencapai pertumbuhan modal sederhana ke atas jangka masa sederhana ke jangka masa panjang dengan melabur di dalam portfolio seimbang dalam ekuiti-ekuiti Malaysia yang berasaskan Syariah, sekuriti pendapatan tetap (Sukuk) dan skim-skim pelaburan berkelompok.

- **AmMetLife Takaful Balanced Plus Fund**

  Dana ini bertujuan untuk memberi anda peluang untuk mendapat pulangan yang lebih tinggi daripada deposit tetap patuh Syariah, dalam satu tempoh jangka masa sederhana ke jangka masa panjang horizon pelaburan, melalui pelaburan di dalam skim-skim pelaburan kolektif yang patuh Syariah.

- **AmMetLife Takaful Asia Pacific Dynamic Equity Fund**

  Dana ini bertujuan untuk menjana peningkatan modal dan keuntungan pendapatan untuk jangka masa panjang kepada peserta yang berprofil risiko tinggi. Ia merupakan dana ekuiti yang patuh Syariah dimana ia dilabur terutamanya dalam pasaran baru dan maju di Asia Pasifik tidak termasuk rantau Jepun.

Adakah saya berhak ke atas keuntungan pelaburan diperoleh daripada DPP?

Sebarang keuntungan pelaburan yang diperolehi daripada DPP anda akan dikekalkan di dalam DPP anda.

Adakah saya berhak ke atas lebihan daripada DRP?

Anda berhak untuk menerima 50% daripada lebihan bersih (jika ada) dari DRP dengan mengkreditkan unit tambahan ke dalam DPP. Dan baki 50% akan diagihkan kepada AmMetLife Takaful sebagai fi untuk menguruskan DRP.

Bagaimana saya boleh mengetahui prestasi dana-dana saya?

Anda boleh mengikuti harga unit yang disiarkan setiap hari di laman web kami dan di akhbar-akhbar utama setiap suku tahun.

Apakah yang akan terjadi jika nilai unit dana saya menjadi sifar atau negatif?

Setelah sijil mempunyai baki unit sifar untuk semua dana, pemegang sijil mempunyai tempoh tiga 30 hari untuk membayar sumbangan atau membuat sumbangan tambahan bagi sijil anda. Apabila tamat tempoh tersebut, sijil akan luput.

Bagaimana Manfaat Bonus Kesetiaan berfungsi?

Semasa sijil anda berkuatkuasa, anda layak mendapat bonus kesetiaan dalam bentuk peningkatan Jumlah Asas Perlindungan sebanyak 2% daripada Jumlah permulaan Asas Perlindungan setiap 2 tahun sijil bermula dari akhir tahun kedua sijil sehingga akhir tahun ke-10 sijil. Bonus kesetiaan akan dikumpulkan keatas Jumlah Asas Perlindungan dan jumlah terkumpul tersebut akan dibayar sekaligus semasa kematian atau HUMK peserta. Sekiranya berlaku kematian akibat kemalangan, Jumlah Asas Perlindungan akan dibayar mengikut kadar bersamaan dengan Manfaat Kematian akibat Kemalangan, tertakluk pada terma dan syarat.

Walau bagaimanapun, manfaat ini akan terhenti setelah tuntutan HUMK diluluskan atau pengeluaran sebahagian dibuat; mana yang terdahulu. Sekiranya berlaku, tiada bonus kesetiaan lanjut akan dibayar dan Jumlah Asas Perlindungan anda akan kekal sepanjang tempoh sijil.

Soalan-Soalan Lazim

Apakah syarat-syarat pengeluaran sebahagian?

Jumlah minimum pengeluaran sebahagian ialah RM1,000 dan baki minimum nilai akaun selepas pengeluaran sebahagian daripada DPP ialah RM2,000. Nilai akaun di dalam DPP dan jumlah perlindungan asas akan dikurangkan oleh amaun pengeluaran sebahagian. Jika jumlah perlindungan asas selepas pengeluaran sebahagian kurang daripada jumlah perlindungan minimum RM250,000, AmMetLife Takaful berhak menganggap pengeluaran sebahagian anda sebagai penyerahan penuh. Semasa penyerahan penuh, nilai akaun di dalam DPP akan dibayar dan sijil akan ditamatkan. Amaun yang dinyatakan mungkin berbeza pada masa depan dan tertakluk kepada perubahan.

Sebarang pengeluaran boleh menyebabkan nilai akaun di dalam DPP tidak mencukupi untuk penolakan apa-apa amaun tabarru' dan yuran serta caj lain. Nilai akaun hendaklah mencukupi sepanjang masa untuk memastikan sijil anda terus berkuatkuasa supaya perlindungan takaful anda berterusan sepanjang tempoh perlindungan.

Pengecualian

Apakah pengecualian utama di dalam pelan ini?

Manfaat Kematian

Pelan ini tidak melindungi manfaat kematian disebabkan oleh:

a. bunuh diri, samada dalam keadaan waras atau tidak waras, dalam tempoh 1 tahun daripada tarikh kuatkuasa sijil; atau

b. semasa peserta di bawah pengaruh alkohol, narkotik atau penyalahgunaan dadah selain daripada yang dipreskripsi oleh pegawai perubatan yang bertauliah;

Sekiranya berlaku, jumlah nilai akaun di dalam DPP akan dibayar.

Manfaat HUMK

Pelan ini tidak melindungi manfaat HUMK disebabkan oleh:

a. perbuatan mencederakan diri sendiri atau percubaan membunuh diri samada dalam keadaan waras atau tidak waras; atau

b. semasa peserta di bawah pengaruh alkohol, narkotik atau penyalahgunaan dadah selain daripada yang dipreskripsi oleh pegawai perubatan yang bertauliah; atau

c. kehilangan upaya yang berlaku sebelum tarikh kuatkuasa.

Manfaat Kematian Akibat Kemalangan

Pelan ini tidak melindungi manfaat Kematian Akibat Kemalangan sekiranya kemalangan disebabkan oleh:

a. serangan atau pembunuhan; atau

b. perang, pencerobohan, tindakan musuh asing, permusuhan atau operasi perang, perang saudara, pemberontakan, revolusi, rusuhan, pemberontakan, kekecohan awam, kuasa ketenteraan atau rampasan; atau

c. perkhidmatan ketenteraan atau tentera laut semasa peperangan (tidak kira sama ada diisytiharkan atau tidak), di bawah arahan operasi perang atau pemulihan ketenteraman awam; atau

d. membuat penangkapan sebagai pegawai undang-undang.

Manfaat Khairat Kematian

Tiada pengecualian terpakai bagi manfaat ini.

Manfaat Waqaf

Manfaat ini tertakluk kepada pengecualian manfaat kematian.

Nota: Senarai ini adalah tidak lengkap. Sila rujuk kepada sijil untuk senarai lengkap pengecualian, terma-terma dan syarat-syarat.

Nota Penting

- Manfaat HUMK adalah tertakluk kepada had gabungan sebanyak RM8,000,000 di bawah semua sijil takaful berkuatkuasa yang melindungi HUMK bagi peserta yang sama.
- Perlindungan tambahan bagi Manfaat Kematian Akibat Kemalangan adalah tertakluk kepada had gabungan sebanyak RM8,000,000 di bawah semua sijil takaful berkuatkuasa yang memberi manfaat kematian akibat kemalangan bagi peserta yang sama.
- Menyertai pelan takaful berkaitan pelaburan merupakan komitmen jangka masa panjang. Penamatan awal sijil melibatkan kos tinggi dan nilai pengeluaran bergantung pada nilai pasaran semasa aset-aset sandaran dana unit tersebut. Oleh itu, nilai pengeluaran mungkin kurang daripada jumlah sumbangan yang telah dibayar.
- Nilai akaun mungkin naik atau turun kerana prestasi dana adalah tidak tetap. Risiko pelaburan akan ditanggung sepenuhnya oleh anda dan nilai akaun DPP mungkin berkurangan daripada jumlah sumbangan yang disumbangkan ke dalam dana.
- Tabarru' dan lain-lain caj untuk pelan ini adalah tidak dijamin dan AmMetLife Takaful berhak untuk menyemak semula Tabarru' dan caj tersebut dengan memberi anda 3 bulan notis bertulis terlebih dahulu.
- AmMetLife Takaful boleh menutup dana, berhenti membenarkan peruntukan dana atau semua pertukaran unit dengan memberikan notis bertulis 3 bulan tertakluk kepada kelulusan pihak berkuasa yang berkenaan. Anda kemudiannya boleh menebus atau memindah unit ke dana lain yang disediakan.
- Jika anda berhenti membayar sumbangan, sijil anda akan diteruskan selagi nilai pelaburan unit di dalam DPP anda mencukupi untuk penolakan tabarru' dan caj-caj lain; jika tidak sijil akan luput.
- Sijil ini tidak akan membayar amaun manfaat dari DRP apabila berlaku penamatan, serahan atau kematangan.
- Anda disarankan untuk menggunakan kemudahan sumbangan tambahan sebagai satu cara untuk memaksimumkan nilai pelaburan pelan takaful keluarga berkaitan pelaburan.
- Anda harus berpuas hati bahawa pelan ini menepati keperluan anda dan sumbangan yang perlu dibayar adalah jumlah yang anda mampu bayar.
- Anda bebas mengkaji semula sijil dalam tempoh 15 hari bermula dari tarikh penerimaan sijil, dan membatalkan sijil tanpa mengemukakan sebarang alasan. Nilai unit DPP (jika ada) pada harga unit, sumbangan tidak diperuntukkan, sebarang fi dan caj yang telah dikenakan, setelah ditolak perbelanjaan perubatan yang mungkin telah digunakan, akan dikembalikan.
- Sumbangan untuk pelan ini akan melayakkan anda untuk pelepasan cukai individu tertakluk kepada keputusan muktamad Lembaga Hasil Dalam Negeri.
- Sila rujuk Ilustrasi Manfaat untuk ilustrasi penuh pelan ini.
- Risalah ini mengandungi keterangan ringkas mengenai produk. Sila rujuk kepada sijil takaful untuk butiran lengkap tentang terma-terma dan syarat-syarat.
- **Ini adalah produk takaful yang berkaitan dengan prestasi aset sandaran, dan bukan merupakan produk pelaburan tulen seperti unit amanah.**

Find out more from our Bank Sales Representative today.
Ketahui lebih lanjut daripada Wakil Jualan Bank kami hari ini.

+603 2178 8888 | ambankislamic.com.my

Distributed by / *Diedarkan oleh:*
AmBank Islamic Berhad 199401009897 (295576-U)

Managed by / *Diuruskan oleh:*
AmMetLife Takaful Berhad 201101002936
A member of the AmBank Group / *Ahli Kumpulan AmBank*

AmMetLife Takaful Berhad - Head Office / *Ibu Pejabat:*
Level 23, Menara 1 Sentrum,
No. 201, Jalan Tun Sambanthan,
50470 Kuala Lumpur.

AmT/Bancal/LegacySecure-i Link/V2/07-23